

TARIKH	29 / 04 / 2016	SEKSYEN	Mega Agama
MUKA SURAT	8	RUANGAN	

agama

Lima rukun umrah

- Niat
- Tawaf
- Sa'ie
- Bercuruk atau bergunting rambut
- Tertib

Perkara-perkara wajib dalam umrah

- Niat ihram di Miqat
- Meninggalkan perkara-perkara larangan dalam masa ihram
- Dalam melaksanakan ibadat umrah, ia sama seperti ibadat haji kecuali tiada wukuf di Arafah, bermalam di Muzdalifah dan Mina serta melontar jamrah.

Pantang larang dalam ihram Umrah

Secara umumnya boleh dibagiarkan kepada tiga kategori:

Larangan dikhususkan bagi lelaki sahaja

- Memakai pakaian bersarung / berjubah / bercantum seperti seluar, baju kemeja, stokin, kasut yang menutup jari-jari kaki dan tunik, kain pelikat dan sebagainya.
- Menutup kepala atau sebahagian daripadanya seperti dengan songkok, kopiah, serban, kain hitam dan sebagainya.

Larangan dikhususkan bagi wanita sahaja

- Menutup muka

Larangan Umum (Lelaki dan Wanita)

- Memakai saring tangan.
- Memakai bau-bauan sama ada di badan, makanan, minuman atau menghidurnya ke dalam hidung.
- Memakai minyak di kepala, janggut dan semua bulu muka selain daripada yang tumbuh di pipi dan dahai.
- Menanggalkan rambut atau bulu daripada mana-mana anggota badan.
- Menggerat atau memotong kuku.
- Memotong/menebang/mengerat/mencabut pokok-pokok di Tanah Haram Mekah.
- Memburu binatang buruan darat yang halal dimakan atau membunuhannya di Tanah Halal atau Haram.
- Melakukan pendahuluan persebutuhan.
- Bersertubuh.
- Berkahwin atau mengahwinkan atau menerima wakil kahwin.

Ibadah umrah

Manifestasi ketataan seorang hamba kepada Allah



PELAHKANAN umrah merupakan manifestasi ketataan seorang hamba dalam usaha mendekatkan diri kepada Allah SWT.
- GAMBAR HIASAN



bicara haji

Oleh DATUK RAZALI SHAHABUDDIN
 Jabatan Kemajuan Islam
 Malaysia (hjrazali@islam.gov.my)



UMRAH merupakan antara ibadah yang disyariatkan Allah SWT kepada setiap hamba-Nya. Pelaksanaannya adalah manifestasi ketataan seorang hamba dalam usaha mendekatkan diri kepada-Nya.

Ia berasal daripada perkataan Arab *'tamara'* yang bererti ziarah atau berkunjung. Menurut istilah syarak ia merujuk kepada perbuatan mengunjungi Baitullah (Kabah) untuk mengerjakan ibadah umrah dengan niat dan syarat-syarat yang tertentu.

Mengikut mazhab Syafie, hukum mengerjakan umrah adalah wajib dan

ia hendaklah dikerjakan oleh setiap orang Islam sekali seumur hidup. Ini berdasarkan firman Allah SWT, "Dan sempurnakanlah ibadat haji dan umrah kerana Allah," - Surah al-Baqarah:196.

Dalam ayat ini, suruhan mengerjakan haji itu disesalkan dengan suruhan mengerjakan umrah, iaitu diperintahkan mengerjakan haji dan umrah hingga sempurna. Dengan itu, suruhan mengerjakan umrah itu samalah hukumnya dengan menuunaikan haji, iaitu wajib bagi setiap orang Islam.

Sementara itu dalam hadis, "Daripada Zaid bin Thabit r.a. katanya: Rasulullah SAW bersabda: "Mengerjakan haji dan umrah itu dua fardu cuma sekali sahaja dan bolehlah dikerjakan mana satu dahulu (sama ada haji ataupun umrah)."

Ibadah ini boleh dilakukan sepanjang tahun selain daripada masa seserang itu berada dalam ihram haji sehingga dia selesai melakukan kerja-kerja haji tersebut.

Mengikut Mazhab Syafe, ibadat umrah boleh dilaksanakan pada bila-bila masa dalam kehidupan seorang Muslim. Sesorang itu tidak dikira berdosa jika menangguhkan kewajipan umrah apabila sudah cukup syarat kemampuan selama mana dia dapat melakukannya sebelum dia meninggal dunia.

Namun begitu, adalah afdal menyegerakan kewajipan umrah ini untuk melepaskan tanggungan kewajipan ini atas diri seseorang Muslim.

BICARA HAJI 2016

KUIZ BERSIRI

16 Paljet percutian bersama TH Hotel & Residence Sdn. Bhd.

HADIAH UTAMA

TH HOTEL

3H2M di Kota Kinabalu, Kuala Terengganu, atau Alor Setar.

Soalan Siri 4
 Berapakah rukun umrah?
 JAWAPAN

Persetujuan melengkapkan slogan:
"Saya suka membaca ruangan Bicara Haji yang disertakan dalam MEGA, Utusan Malaysia kerana..."

Nama: _____ (tidak lebih 200 perkataan)

Alamat: _____

No Kad Pengenalan: _____ Postod: _____

No Telefon: _____ Pekerja: _____

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Berumur 18 tahun keatas.
 Bergantung pada undang-undang.
 Jawapan yang diberikan di sini tidak diambil kembali dan ditukar.
 Setiap jawapan yang sama, pemenang ditentukan melalui slogan terbaik dan kreasi.
 Setiap pemenang mestah disertakan 15 Masthead MEGA.
 Hanya pemenang menggunakan borang rasmu kult yang disediakan dalam MEGA akan diterima.
 Keputusan pengundi adalah mutlak.
 Sebarang rayuan tidak akan dilayan.
 Tarikh tutup penyertaan 31 JULAI 2016.

Kesemua peryertaan hendaklah dihantar kepada:
**"KUIZ BERSIRI
 BICARA HAJI 2016"
 UTUSAN MELAYU (M) BERHAD
 NO.4A, JALAN UTUSAN
 OFF JALAN CHAN SOWUIN
 55200, KUALA LUMPUR"**